

Tiada bukti makan daging kura-kura pulih tenaga batin

Tiada kajian saintifik membuktikan daging kura-kura mampu memulihkan tenaga batin lelaki dan memanjangkan umur individu yang memakannya.

Timbalan Dekan (Siswazah, Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Masyarakat) Sains Pemakanan Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Amin Jalil berkata, lemah syahwat boleh dirawat dengan bantuan pakar sakit tuan serta amalan gaya hidup sihat.

“Sepanjang saya berada dalam bidang nutrisi dan pemakanan, tiada langsung bukti mengatakan daging

kura-kura boleh menyembuhkan masalah batin.

“Mungkin ia berkesan bagi segelintir, namun tidak untuk semua dan petua ini diwarisi daripada generasi lalu,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai daging kura-kura yang didakwa mampu memulihkan tenaga batin sehingga menyebabkan daging haiwan itu mendapat permintaan tinggi.

Menurut Dr Amin, dalam Islam sendiri, kura-kura tidak boleh dimakan dan ada sebab mengapa ia

dilarang untuk dimakan kerana ia spesies dua alam.

“Daging kura-kura boleh diklasifikasikan sebagai perubatan tradisional, namun tiada jaminan untuk ia berkesan.

“Psikologi seseorang juga memainkan peranan dengan beranggapan daging kura-kura itu berkesan dalam mengubati lemah tenaga batin, sedangkan ia tidak memberi sebarang kesan,” katanya.

Katanya, perubatan tradisional seperti ubat-ubatan herba yang mendapat kelulusan pihak berkuasa boleh dijadikan alternatif bagi menyembuhkan penyakit.